

# Lembaran Maklumat Produk

## Program Pembiayaan Mikro iTEKAD Maju

### LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK

Sila baca Lembaran Maklumat Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menerima Program Pembiayaan Mikro iTEKAD Maju. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat di dalam surat tawaran. Dapatkan penjelasan daripada kami jika anda tidak memahami mana-mana bahagian di dalam dokumen ini atau syarat-syarat am.

Bank Islam Malaysia Berhad  
198301002944 (98127-X)

Program Pembiayaan Mikro  
iTEKAD Maju

1 Oktober 2024

### 1. Apakah Program Pembiayaan Mikro iTEKAD Maju?

- iTEKAD ialah sebuah program rangkuman yang telah diwujudkan oleh Bank Negara Malaysia, dengan tujuan membantu usahawan mikro berpendapatan rendah bagi memperkuuhkan pengurusan kewangan dan kepintaran perniagaan mereka kearah menjana pendapatan yang mampan. Setiap program iTEKAD menggabungkan penyediaan aset perniagaan yang dibiayai oleh instrumen kewangan sosial (contoh: derma, pelaburan impak sosial, zakat dan wakaf tunai) dengan kewangan mikro, ditambah dengan latihan kewangan dan perniagaan berstruktur. Bank Islam Malaysia Berhad menyokong penuh pelaksanaan ini dengan memperkenalkan Program Pembiayaan Mikro iTEKADMaju.
- Program yang direka untuk usahawan mikro yang ingin membangunkan perniagaan untuk menjana pendapatan berterusan.
- Program ini bertujuan untuk mendidik pemohon serta memantau prestasi dan kejayaan perniagaan mereka. Program ini ditawarkan kepada Perusahaan Mikro Malaysia yang memenuhi kriteria kelayakan berikut:-
  - Memenuhi definisi Perusahaan Mikro oleh SME Corporation Malaysia;
  - Perusahaan Mikro Malaysia (Rakyat Malaysia yang menetap di Malaysia yang memegang sekurang-kurangnya 51% pegangan saham dalam perusahaan mikro)
  - Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), pihak berkuasa/pejabat daerah di Sabah dan Sarawak atau badan berkanun untuk penyedia perkhidmatan profesional;
  - Minimum 1 tahun dalam perniagaan;
  - Berumur antara 21 hingga 60 tahun pada tarikh permohonan;
  - Mengemukakan pelan perniagaan dengan menunjukkan aliran tunai positif untuk membayar pembiayaan.
- Bank Islam akan menilai dan mengenal pasti pemohon yang memenuhi kriteria program.
- Pemohon yang berjaya mesti menghadiri sesi induksi yang dianjurkan oleh Bank Islam and/ atau Rakan Pelaksana yang dilantik oleh Bank Islam.
- Setelah tamat sesi induksi tersebut, Bank Islam akan mengeluarkan pembiayaan kepada usahawan mikro.
- Sepanjang tempoh pembiayaan, peminjam akan diberikan latihan lanjutan dan bimbingan daripada Bank Islam dan/atau Rakan Pelaksana yang dilantik oleh Bank Islam dalam membangunkan perniagaan.

### 2. Apakah konsep Shariah yang digunakan?

- Pembiayaan ini berlandaskan Konsep Tawarruq.

Tawarruq merujuk pada konsep Pembelian komoditi dengan harga tertangguh. Komoditi tersebut kemudiannya dijual semula untuk mendapatkan wang tunai kepada suatu pihak lain selain daripada penjual asal. Konsep Tawarruq dijelaskan dengan lebih lanjut seperti di bawah:-

Pelanggan membeli komoditi daripada Bank berdasarkan kontrak Murabahah pada Harga Jualan Bank. Dalam proses ini, pembelian akan dilakukan oleh Bank sebagai Ejen Pembelian bagi pihak pelanggan. Sebagai Ejen Jualan untuk pelanggan, pihak Bank bertanggungjawab untuk menjual komoditi kepada pembeli komoditi pada harga kos. Hasil daripada urus niaga itu akan diberikan untuk kegunaan pelanggan. Pelanggan bertanggungjawab untuk membayar jumlah yang perlu dibayar daripada transaksi Murabahah mengikut terma-terma yang dipersetujui.

“Komoditi” bermaksud apa-apa komoditi yang diterima oleh Bank contohnya minyak kelapa sawit, resin plastik, getah, biji koko, kacang soya, kayu balak dan logam (tidak termasuk emas dan perak) yang diurusniagakan melalui mana-mana platform komoditi yang diluluskan oleh Bank. Pembelian dan penjualan komoditi tersebut dibuat berdasarkan mandat yang diberikan oleh pihak pelanggan, di mana Bank sebagai Ejen Pembelian dan Ejen Jualan berurus niaga menggunakan Komoditi yang sedia ada dan dibekalkan oleh pembekal komoditi tertakluk kepada polisi-polisi Bank yang terpakai.

### 3. Apakah yang saya perolehi daripada program ini?

No.	Ciri-ciri	Maklumat
1.	Program	<b>Program Pembiayaan Mikro iTEKAD Maju</b>
2.	Had Program	<b>RM25,000,000-00</b>
3.	Ketersediaan Program	<b>1 Mei 2020 sehingga mencapai had Program RM25,000,000-00</b>
4.	Jenis Pembiayaan	<b>Pembiayaan Perniagaan-i Tawarruq</b>
5.	Tujuan Pembiayaan	<p>1. Membayai usahawan mikro <i>underbanked</i><sup>(a)</sup> untuk tujuan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Modal kerja (termasuk sumbangan Takaful (pilihan)); dan/ atau</li> <li>(ii) Perbelanjaan modal</li> </ul> <p>Nota <sup>(a)</sup>: <i>Underbanked</i> merujuk kepada perniagaan yang belum layak untuk mendapatkan pembiayaan PKS biasa daripada mana-mana Institusi Kewangan termasuk Bank Islam.</p> <p>2. Pembiayaan tidak boleh digunakan untuk aktiviti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Pembelian saham;</li> <li>(ii) Pembiayaan semula kemudahan kredit/pembiayaan sedia ada yang diambil dengan Bank lain;</li> <li>(iii) Pembelian pelaburan tanah/hartanah;</li> <li>(iv) Pembangunan hartanah;</li> <li>(v) Pelaburan oleh syarikat pemegangan pelaburan;</li> <li>(vi) Aktiviti di mana stok dalam perdagangan adalah wang (termasuk perniagaan kredit, pemajakan, pemfaktoran dan insurans);</li> <li>(vii) Perjudian, alkohol, tembakau atau aktiviti/produk lain yang serupa; dan</li> <li>(viii) Aktiviti tidak patuh Syariah</li> </ul> <p>3. Pembiayaan bertindih (pembiayaan semula) dibenarkan tertakluk kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Pembiayaan bertindih hanya diperluaskan kepada usahawan mikro ITEKAD Maju yang sedia ada;</li> <li>(ii) Usahawan mikro ITEKAD Maju yang memohon pembiayaan semula hendaklah mempunyai rekod prestasi pembayaran balik yang baik;</li> </ul>
6.	Amaun Pembiayaan	<p><b>Minimum : RM10,000-00</b>  <b>Maksimum : RM50,000-00 setiap permohonan</b></p> <p>Nota: Jumlah agregat pembiayaan yang diperoleh melalui iTEKAD Maju adalah dihadkan kepada RM150,000-00 bagi setiap perusahaan mikro. Perusahaan mikro tersebut boleh mempunyai lebih dari satu (1) kemudahan melalui program ini tertakluk kepada agregat pembiayaan yang diluluskan tidak melebihi RM150,000-00.</p> <p>Jumlah agregat maksimum pembiayaan yang diperolehi di bawah Kemudahan Perusahaan Mikro (MEF) dan mana-mana kemudahan di bawah Dana BNM hendaklah dihadkan kepada RM5 juta bagi setiap perusahaan mikro. Ini termasuk pembiayaan kepada mana-mana syarikat berkaitan perusahaan mikro dengan pemegang saham biasa, melainkan syarikat berkaitan perusahaan mikro mempunyai tenaga kerja yang berbeza. Dalam kes sedemikian, setiap perusahaan mikro mempunyai had pembiayaan masing-masing sebanyak RM5 juta.</p>
7.	Tempoh pembiayaan	<p><b>Minimum : 1 tahun</b>  <b>Maksimum : 7 tahun</b></p>

No.	Ciri-ciri	Maklumat
8.	Kadar keuntungan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kadar tetap</li> <li>• 4.0% setahun</li> </ul>

Contoh pengiraan adalah seperti di bawah:

**Contoh**

Amaun Pembiayaan : RM50,000-00  
Kadar Keuntungan : 4.00% setahun  
Tempoh : 5 tahun

Ansuran Bulanan : RM920.83  
Harga Jualan Bank : RM55,249.80

Nota: Contoh di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin tidak menunjukkan komitmen sebenar bagi setiap Program Pembiayaan Mikro iTEKAD Maju

#### 4. Apakah tanggungjawab saya?

- Anda perlu membayar ansuran bulanan sebagaimana yang diluluskan oleh Bank.
- Anda diwajibkan untuk membayar ansuran bulanan sehingga pembiayaan selesai. Walau bagaimanapun, anda boleh membuat penyelesaian penuh pembiayaan pada bila-bila masa.

#### 5. Apakah jenis-jenis yuran dan caj yang perlu saya bayar?

- Anda perlu membayar yuran agensi Tawarruq sebanyak RM50.00.
- Anda perlu membuat bayaran kepada Bank (jika ada) untuk kos penyediaan dan pendaftaran dokumen yang telah ditanggung Bank berkenaan dengan kemudahan pembiayaan ini termasuk sebarang perbelanjaan yang ditanggung oleh Bank semasa proses tuntutan jika kemudahan ini dibatalkan.

#### 6. Bagaimanakah sekiranya saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

Jika anda gagal untuk memenuhi tanggungjawab anda pada masanya:-

- **Sekiranya berlaku kemungkiran (default)**
  - a. Sekiranya berlaku kemungkiran pembayaran, Bank melalui notis bertulis kepada anda boleh meminta pembayaran segera untuk jumlah tertunggak daripada anda.
  - b. Bank berhak untuk menolak sebarang baki kredit dalam akaun deposit dan/atau pelaburan anda yang diuruskan oleh Bank terhadap sebarang bayaran tertunggak di bawah pembiayaan ini.
  - c. Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya anda gagal untuk memberi maklum balas terhadap notis peringatan.
  - d. Tindakan undang-undang terhadap anda boleh memberi kesan kepada penarafan kredit yang membawa kepada penilaian kredit yang lebih sukar atau mahal untuk anda di masa akan datang.
  - e. Mencetuskan kemungkiran bersilang terhadap kemudahan lain dengan Bank.

- **Pembayaran Lewat**

Bank akan mengenakan Ta'widh (ganti rugi ke atas caj pembayaran lewat) kepada anda seperti berikut:-

- a. **Sebelum tarikh matang kemudahan**

Jumlah yang bersamaan dengan satu peratus (1%) setahun dikira atas ansuran tertunggak sehingga tarikh penyelesaian penuh;

**Formula: Ansuran tertunggak x 1% x Jumlah hari tertunggak / 365**

- b. **Selepas tarikh matang kemudahan**

Jumlah yang bersamaan dengan kadar semasa semalam hari Pasaran Wang Antara Bank Islam (IIMM) dikira atas baki Kemudahan iaitu baki Harga Jualan setelah ditolak ibra' (rebate) (jika ada);

**Formula: Baki Harga Jualan (tolak ibra'(rebate)) x Kadar semasa semalam hari Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam x Jumlah hari tertunggak / 365**



**c. Hutang selepas penghakiman**

Jumlah yang bersamaan dengan kadar semasa semalam hari Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam (IIMM) keatas jumlah asas penghakiman dikira dari tarikh penghakiman sehingga tarikh penyelesaian penuh.

**Formula:** Baki Harga Jualan (tolak ibra'(rebат)) x Kadar IIMM x Jumlah hari tertunggak / 365

**Nota :** Pengenaan Ta'widh (caj ganti rugi) hendaklah mengikut cara yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia.

**7. Bagaimakah sekiranya saya menyelesaikan sepenuhnya baki pembiayaan sebelum tarikh matang?**

- Ibra' (Rebat) akan diberikan kepada anda atas penyelesaian awal atau penebusan awal kemudahan pembiayaan tersebut.
- Formula Ibra'(Rebat):

Ibra' (Rebat bagi penyelesaian awal pembiayaan) = Keuntungan Tertangguh

**Nota:**

- i. Keuntungan Tertangguh = Jumlah Keuntungan Dikontrakkan - Keuntungan Terakru
- ii. Jumlah Keuntungan Dikontrakkan = Harga Jualan - Harga Belian (atau Jumlah Pembiayaan)
- iii. Keuntungan Terakru dikira berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif atas baki Harga Belian (atau Jumlah Pembiayaan) yang telah dibayar atau digunakan
- iv. Bank tidak mengenakan tempoh terikat untuk pembiayaan ini dan fi tidak dikenakan bagi penyelesaian awal pembiayaan sebelum tarikh matang.

**8. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?**

Penjamin atau cagaran tidak diperlukan untuk Program ini.

**9. Adakah saya memerlukan perlindungan Takaful?**

Perlindungan Takaful adalah pilihan.

**10. Apakah yang saya perlu lakukan sekiranya terdapat perubahan kepada butiran perhubungan saya?**

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kami dengan segera sebarang perubahan kepada butiran perhubungan bagi memastikan semua urusan surat menyurat sampai kepada anda dalam tempoh yang ditetapkan.

**11. Di manakah boleh saya dapatkan bantuan dan cara penyelesaian?**

- Sekiranya anda menghadapi kesulitan dalam membuat pembayaran ansuran bulanan, anda perlu menghubungi kami dengan segera untuk membincangkan pilihan pembayaran. Anda boleh menghubungi kami di:

**Pengurus Hubungan****Bahagian Kewangan Sosial**

Bank Islam Malaysia Berhad Tingkat 27, Menara Bank Islam No 22, Jalan Perak,  
50450 Kuala Lumpur

**Pengurus Hubungan:**

Tel : 03-2707 8053

Faks : 03-2088 8057

E-mel : [microfinance@bankislam.com.my](mailto:microfinance@bankislam.com.my)

- Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan khidmat Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan dan pengurusan wang percuma, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturkan hutang untuk PKS. Anda boleh menghubungi AKPK di:

**Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)**

Tingkat 5 dan 6, Menara Bumiputra Commerce,

Jalan Raja Laut,

50350 Kuala Lumpur.

Tel : 603 -2616 7766

Faks : 603-2616 7601

Laman web: [www.akpk.org.my](http://www.akpk.org.my)



- Sekiranya anda ingin membuat aduan berkenaan produk atau perkhidmatan yang diberikan oleh kami, anda boleh menghubungi kami di:

**Pusat Panggilan & Khidmat Pelanggan Bank Islam Malaysia Berhad**  
Tingkat 17, Menara Bank Islam  
No. 22, Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur  
Tel : 03-26 900 900  
Faks : 03-2782 1337  
E-mel : [customercare@bankislam.com.my](mailto:customercare@bankislam.com.my)

Sekiranya pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan memuaskan, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

**Block D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn,  
50480 Kuala Lumpur.**  
Tel : 1-300-88-5465  
Faks : 03-2174 1515  
E-mel : [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

## 12. Di manakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

- Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan berkenaan Program ini, sila rujuk kepada cawangan atau hubungi:

**Pusat Panggilan & Khidmat Pelanggan Bank Islam Malaysia Berhad**  
Tingkat 17, Menara Bank Islam,  
No. 22, Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur.

Tel : 03-26 900 900  
E-mel : [contactcenter@bankislam.com.my](mailto:contactcenter@bankislam.com.my)

## **NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL KE ATAS ANDA JIKA ANDA GAGAL MEMBUAT BAYARAN BAGIKEMUDAHAN PEMBIAYAAN ANDA.**

Semua maklumat yang diberikan di dalam Lembaran Maklumat Produk ini adalah sah mulai 1 Oktober 2024.

### **Pengesahan Penerimaan oleh Pelanggan**

---

**Nama** : \_\_\_\_\_

**No. Kad Pengenalan** : \_\_\_\_\_

**Tarikh** : \_\_\_\_\_